



i era peredaran globalisasi dan memacu kepada persaingan yang kompetitif di kalangan mahasiswa di Malaysia, kecemerlangan akademik kebiasaannya akan menjadi satu fokus utama yang menjadi tumpuan bukan sahaja kepada pensyarah dan orang atasan, malah di mata masyarakat umum.

Namun, bagi Timbalan Naib Canselor Akademik (TNCA) Profesor Dr. Yamin Yasin, berpendapat fokus visi dan misinya sebagai TNCA adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya, adalah seimbang dan lengkap dibalik cemerlang pencapaian akademiknya, malah tinggi dari nilai akhlak, adab, dan integriti.

Prof Dr. Yamin akui kualiti pelajar yang dihasilkan oleh UiTM sememangnya tidak dinafikan mempunyai kualiti mahasiswa dan graduan yang tinggi pencapaiannya dari segi akademik.

Keputusan peperiksaan dan CGPA yang cemerlang itu menjadi salah satu saksi keupayaan mereka bersaing dengan mahasiswa di luar, namun beliau tetap menegaskan bahawa pentingnya nilai insaniah dalam diri pelajar.

"Saya ada membuat analisa, mengenai prestasi pelajar kita oleh mantan TNCA sendiri, tapi saya tegaskan bahawa saya akan cuba untuk menerapkan elemen-elemen lain yang bagus untuk pelajar seperti mana misi saya, CGPA dan Keputusan yang cemerlang itu satu kelebihan, tetapi fokus saya adalah untuk melahirkan pelajar yang lengkap dan cukup dari segi adab dan sahsiahnya." Ujarnya.

Prof Dr. Yamin juga turut menegaskan bahawa nilai integriti di dalam diri pelajar juga haruslah dititikberatkan dengan cara pensyarah memantau bagaimana ia dapat disemai selain memetingkan melalui pencapaian akademik.

"Integriti pelajar itu, dinilai melalui assignment dan assessment yang dibuat di dalam kelas, jadi pensyarah perlu memainkan peranan untuk menilai dan pelajar-pelajar ini akan dinilai secara praktikal dan dipastikan dalam diri mereka penuh dengan pengisian" katanya ketika ditemu bual.

Prof Dr. Yamin turut berharap mahasiswa dan mahasiswi UiTM ini memanfaatkan sepenuhnya peluang pengajian di UiTM bagi memastikan jiwa mereka dipenuhi dengan pengalaman yang berguna suatu hari nanti. Beliau percaya tanpa adanya adab dalam nilai seseorang pelajar itu, walau bijak macam mana pun pelajar itu, nescaya ia bukanlah satu ciri-ciri pelajar yang lengkap.

















Media UiTM

Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh

Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian

Pejabat Komunikasi Strategik UiTM

#### SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

# Penasihat

Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais, Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

#### Penasihat Editorial

En Abuzar Abdul Halim, Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

### Ketua Editor

En Ahmad Faisal Mohamed Fiah, Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi — Amni Harith bin Badrul Hisyam dan Pengajian Media

## Ketua Wartawan

Zaidatul Insyirah binti Suhaini

### Pereka Grafik

Aidil Adha bin Abdullah

Muhammad Sahil bin Sulaiman Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

### Fotografi

Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media Pejabat Komunikasi Strategik